



PELAN STRATEGIK

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

2021–2025





DISELARASKAN OLEH
UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
(ILKAP)

KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH ILKAP

1

BAB 1 : PENDAHULUAN

- ❖ Ringkasan Eksekutif
- ❖ Latar Belakang Agensi
- ❖ Carta Organisasi
- ❖ Fungsi dan Peranan Agensi

3

BAB 2 : CABARAN PERSEKITARAN

- ❖ Pemegang Taruh (*Stakeholders*), Pelanggan dan Rakan Strategik
- ❖ Isu / Cabaran Strategik Berdasarkan Analisis Persekitaran

9

BAB 3 : HALA TUJU STRATEGIK

- ❖ Visi
- ❖ Misi
- ❖ Moto
- ❖ Nilai Bersama

11

BAB 4 : STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN: PELAN TINDAKAN

13

BAB 5 : IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

- ❖ Mekanisme Pelaksanaan
- ❖ Faktor Penentu Kejayaan
- ❖ Rantaian ke Hadapan

21

BAB 6 : PENUTUP

28

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Hormat dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (“ILKAP”) dapat menghasilkan Pelan Strategik ILKAP 2021–2025 (“Pelan Strategik”).

Semenjak penubuhannya, ILKAP telah menggalas tugas sebagai satu-satunya institusi yang menyediakan latihan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia bagi melahirkan Pegawai Kehakiman dan Perundangan serta Pegawai Penguat Kuasa yang berprestasi tinggi. Peredaran masa dan perubahan persekitaran menyebabkan ILKAP harus melihat semula kekuatan dan kelemahannya, menyesuaikan strategi dan menetapkan Pelan Strategik baru agar selaras dengan kehendak pemegang taruh (stakeholders) dan dapat merealisasikan aspirasi ILKAP sebagai penyedia latihan kehakiman dan perundangan yang terkemuka di negara ini.

Ke arah itu, tiada jalan pintas dan formula mudah untuk ILKAP terus kekal relevan dan bersaing di persada global, melainkan dengan memperkasakan peranan dan merekayasa pendekatan. Bagi memastikan kecemerlangan ILKAP sebagai penyedia latihan kehakiman dan perundangan yang terkemuka dalam negara selain terus menjadi penyedia latihan yang unggul bagi sektor kehakiman dan perundangan di Malaysia, ILKAP telah menyediakan Pelan Strategik bagi tempoh lima (5) tahun akan datang (2021 – 2025) untuk memandu penjalannya bagi mencapai visi, memenuhi misi dan melaksanakan strategi.



PERUTUSAN KETUA PENGARAH ILKAP

Pelan Strategik ini telah digubal selaras dengan dasar dan aspirasi negara demi keutuhan sistem keadilan nasional. Pelan Strategik ini mengambil kira wawasan dan cabaran yang perlu dihadapi mengikut peredaran semasa. Pelan Strategik ini juga menitikberatkan tanggungjawab yang perlu digalas serta tindakan strategik yang perlu diambil oleh warga ILKAP bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan Pegawai Kehakiman dan Perundangan serta Pegawai Penguat Kuasa sentiasa dipertingkatkan dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan kompeten dan berintegriti. Justeru, Pelan Strategik ini telah memberikan tumpuan kepada tiga (3) teras utama dan setiap teras strategik akan diperjelas dan disokong menerusi program, aktiviti, objektif dan petunjuk prestasi bagi menterjemahkannya kepada outcome yang dihasratkan.

Sesungguhnya kejayaan sesebuah organisasi memerlukan semangat kerja berpasukan yang jitu serta fokus kepada aspirasi organisasi. Saya berharap dengan adanya Pelan Strategik ini, usaha dan kerja warga ILKAP akan menjadi lebih fokus dan terarah untuk merealisasikan matlamat yang digarap demi kejayaan dan kecemerlangan ILKAP. Diharapkan juga pelaksanaan dokumen ini akan mengukuhkan kedudukan ILKAP sebagai institusi penyedia latihan kehakiman dan perundangan primer dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat dalam merangka dan membukukan Pelan Strategik ini dengan penuh keikhlasan dan kejujuran demi memenuhi tanggungjawab yang dipikul bersama.

Sekian, terima kasih.

DATIN ROZITA BINTI RAMLI

Ketua Pengarah

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)

Jabatan Perdana Menteri Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan kehakiman dan perundangan yang konsisten dan progresif amat penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan demi memartabatkan sistem keadilan negara. Pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan dan pegawai penguat kuasa perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan yang menyeluruh, diberikan pendedahan praktikal dan pemahaman yang mendalam. Semasa menjalankan tugas harian, pegawai hendaklah berusaha untuk memajukan diri bagi memperoleh pencapaian ini. Untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang pelbagai, maka pegawai ini diberikan peluang untuk menjalani latihan secara sistematik. Berdasarkan perspektif ini, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan ('ILKAP') melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu pegawai supaya dapat meningkatkan kecekapan dan kompetensi mereka. Inisiatif ini termasuklah menyediakan kursus untuk pegawai muda apabila memulakan tugas di tempat baharu atau memegang jawatan baharu dan juga mengadakan kursus secara khusus dalam bidang tugas tertentu yang bertujuan untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan meningkatkan kepakaran sedia ada.

ILKAP turut mengadakan kursus yang berimpak tinggi bertujuan untuk menghasilkan pemikiran kritis dan konstruktif di samping menggalakkan cetusan idea baharu untuk memperbaiki kualiti penyampaian perkhidmatan dalam sektor awam supaya selari dengan prinsip perundangan dan dasar Kerajaan. Perubahan dan penambahbaikan kepada penyampaian perkhidmatan awam adalah tindakan yang perlu dilaksanakan. Berdepan dengan cabaran masa kini dan arus perubahan perundangan semasa, ILKAP hendaklah bersedia dan mampu berdaya saing untuk menerima perubahan supaya dapat bertindak balas secara berkesan terhadap setiap perubahan ini. Perkara yang paling utama ialah pegawai kehakiman dan perundangan serta penguat kuasa perlu mempunyai tahap kompetensi dan integriti yang tinggi dalam menjalankan tugasannya demi menegakkan keadilan dan kedaulatan undang-undang.

Pelan Strategik ILKAP ini memberikan gambaran menyeluruh kepada peranan dan fungsi ILKAP dan menggariskan objektif dan strategi untuk memenuhi tanggungjawab ini. Pelan Strategik ini juga menyediakan rangka kerja untuk ILKAP beroperasi dan melaksanakan tugas demi mencapai visi dan misinya.

Tiga Teras Strategik ILKAP



Bagi merealisasikan setiap teras strategik yang dikenal pasti, Pelan Strategik telah dirangka secara khusus dan Petunjuk Prestasi Utama telah diambil kira sebagai pengukur keberkesanannya.

Usaha untuk pemantauan dan penilaian juga akan dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa Pelan Strategik ILKAP kekal relevan dan menggambarkan perubahan yang menjadi keutamaan strategi kepada dasar negara dan kedaulatan undang-undang.

Latar Belakang Agensi

ILKAP merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. ILKAP telah ditubuhkan lebih dua dekad yang lalu berdasarkan Keputusan Jemaah Menteri pada 18 Mac 1992. ILKAP mula beroperasi pada 23 Disember 1993 di pejabat Kementerian Undang-Undang. Pada bulan Julai 1994, ILKAP berpindah ke Wisma Sime Darby, Kuala Lumpur sehinggalah ILKAP berpindah ke kampus tetap di Bandar Baru Bangi, Selangor pada September 2003.


Lembaga Pengurusan ILKAP merupakan badan pentadbir dan bertanggungjawab menetapkan matlamat jangka panjang dan penggubalan dasar-dasar termasuk pengawalan program-program ILKAP. Ketua Setiausaha Negara merupakan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP bersama-sama dengan anggota lain yang terdiri daripada Peguam Negara Malaysia, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, seorang Peguam bela dan Peguam cara yang dilantik dan seorang Dekan Fakulti Undang-Undang daripada Universiti Tempatan. Ketua Pengarah ILKAP bertindak sebagai Setiausaha kepada Lembaga Pengurusan dan turut bertanggungjawab untuk menyelia sistem pentadbiran ILKAP.

Selaras dengan misinya, ILKAP memberikan keutamaan latihan kepada Pegawai Kehakiman dan Perundangan, namun latihan juga dibuka untuk penyertaan pegawai dan kakitangan daripada Kementerian, Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Bermula pada tahun 2010, ILKAP telah membuka penyertaan latihannya kepada sektor swasta bagi kursus-kursus yang tertentu sahaja.

Carta Organisasi ILKAP



Fungsi dan Peranan ILKAP



Punca Kuasa

Kertas Jemaah Menteri
(Memorandum No.
357/1879/93)

Akta Fungsi-Fungsi
Menteri 1969
[Akta 2]

Keputusan
Mesyuarat Lembaga
Pengurusan ILKAP

Seksyen 15(3) Akta
Tatacara Kewangan
1957 **[Akta 61]**




BAB 2

CABARAN

PERSEKITARAN





PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS)

Jabatan Perdana
Menteri

Jabatan Peguam
Negara

Mahkamah

PELANGGAN

Jabatan Perdana
Menteri

Mahkamah

Jabatan Kerajaan

Agensi
Penguatkuasaan


RAKAN STRATEGIK

Institut Pengajian
Tinggi Awam / Institut
Pengajian Tinggi
Swasta

Agensi
Penguatkuasaan

Akademi /
Badan Undang-
Undang Antarabangsa

Institut Latihan Awam



Isu / Cabaran Strategik Berdasarkan Analisis Persekutuan

❖ Penyampaian Perkhidmatan Teras

Sebagai satu-satunya institusi yang menyediakan latihan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia yang berdepan dengan cabaran isu-isu global dan tempatan berkaitan kehakiman dan perundangan, ILKAP perlu menyediakan kursus-kursus yang relevan, berkualiti dan terkini. Justeru itu, ILKAP bertanggungjawab untuk memantapkan kurikulum latihan, memastikan pemilihan penceramah yang berkualiti dan berstatus pakar, mewujudkan kolaborasi dengan rakan-rakan strategik serta memastikan kemudahan dan prasarana ILKAP memenuhi keperluan latihan. Di samping itu, ILKAP juga perlu memantapkan kebolehan penyelidikan perundangan bagi memastikan keberkesanan latihan dalam pembangunan modal insan.

Objektif Strategik:

- ❑ Memperkasakan pengurusan dan penyampaian latihan dalam bidang kehakiman dan perundangan bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran;
- ❑ Mempertingkatkan penyelidikan berkaitan bidang kehakiman dan perundangan dan isu global bagi memantapkan program latihan; dan
- ❑ Menyediakan serta mengemas kini sumber ilmu yang sedia ada bagi memastikan sumber terkini dan bermutu dalam usaha untuk merangka, memantapkan dan mengemas kini kurikulum latihan.

❖ Keupayaan dan Kapasiti Organisasi

Bagi menyahut cabaran untuk menjadi sebuah institusi latihan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka, keperluan guna tenaga dan sumber sedia ada perlulah dioptimumkan bagi menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, berintegriti, cekap, teratur dan berkesan.

Objektif Strategik:


- ❑ Mengukuhkan tadbir urus organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampai perkhidmatan.





BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK



VISI

Peneraju kecemerlangan tenaga kerja profesional yang mampu dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia




MISI

Meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kompetensi dan profesionalisme pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan agensi penguatkuasaan dengan melaksanakan latihan yang relevan, berkualiti dan efektif selaras dengan perkembangan undang-undang semasa



MOTO

Teman Pembelajaran Anda
(‘Your Partner In Learning’)



Nilai Bersama



BAB 4

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN: PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN LATIHAN BAGI PEMBANGUNAN TENAGA KERJA PROFESIONAL

STRATEGI 1	Memantapkan kurikulum latihan kehakiman dan perundangan			
PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Pelaksanaan dan penilaian program latihan yang berkesan	1. Maklum balas kepuasan peserta berkenaan dengan objektif latihan	80% peserta memberikan skor purata 5.0 ke atas daripada skor penuh 7.0 bagi pencapaian objektif latihan	2021 – 2025	Bahagian Latihan
	2. Maklum balas peserta berkenaan penambahan pengetahuan dan kemahiran	80% peserta memberikan skor purata 5.0 ke atas daripada skor penuh 7.0 bagi penambahan pengetahuan dan kemahiran selepas latihan		
2. Memperkasakan modul latihan melalui penyertaan peserta swasta atau peserta dari luar negeri	Pembukaan penyertaan latihan bagi peserta swasta atau peserta dari luar negeri	50% program latihan dikategorikan sebagai "Terbuka kepada Swasta"/ "Terbuka kepada Luar Negeri"	2021 – 2025	Bahagian Latihan

TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN LATIHAN BAGI PEMBANGUNAN TENAGA KERJA PROFESIONAL

STRATEGI 1	Memantapkan kurikulum latihan kehakiman dan perundangan			
PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
3. Perancangan dan penyediaan modul kurikulum latihan bagi kursus kerjasama yang komprehensif	Penglibatan rakan strategik dalam pembinaan modul kurikulum kursus kerjasama	Mengadakan perbincangan dengan rakan strategik untuk menyediakan modul kurikulum latihan bagi kursus kerjasama atas permintaan mana-mana pihak atau agensi yang memerlukan	2021 – 2025	Bahagian Latihan
4. Proforma Program Latihan Baharu Tahunan	Mendapatkan proforma daripada pihak yang berkepentingan dan Bahagian Latihan ILKAP	Minimum sepuluh (10) proforma bagi kursus / bengkel / seminar baharu setiap tahun	2021 – 2025	Unit Penyelidikan dan Inovasi



TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN LATIHAN BAGI PEMBANGUNAN TENAGA KERJA PROFESIONAL

STRATEGI 2	Memastikan kualiti penceramah memenuhi piawaian yang ditetapkan			
PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Penilaian kompetensi, kualiti dan keberkesanannya penceramah	1. Maklum balas kepuasan peserta berkenaan dengan persembahan dan kandungan ceramah	90% peserta memberikan skor purata 5.0 ke atas daripada skor penuh 7.0	2021 – 2025	Bahagian Latihan
	2. Laporan penilaian pencapaian penceramah oleh peserta kepada Ketua Jabatan yang berkaitan agar pemilihan / pencalonan penceramah kepada ILKAP dibuat dengan teliti	Memastikan hanya pegawai yang berkualiti dicalonkan oleh Jabatan sebagai penceramah untuk kursus/bengkel/ seminar di ILKAP		
2. Penglibatan penceramah awam dan swasta dari dalam dan luar negeri	Memastikan penglibatan penceramah awam atau swasta dari dalam dan luar negeri bagi mana-mana kursus yang dikenal pasti	Menjemput penceramah awam atau swasta dari dalam atau luar negeri yang berkaliber, berpengetahuan dan berpengalaman luas berdasarkan keputusan Mesyuarat JKKK / JKKS	2021 – 2025	Bahagian Latihan

*JKKK = Jawatankuasa Kurikulum Kursus (JKKK)

*JKKS = Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum Kursus (JKKS)

TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN LATIHAN BAGI PEMBANGUNAN TENAGA KERJA PROFESIONAL

STRATEGI 3

Mengadakan kolaborasi dengan agensi Kerajaan / pihak swasta

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Jalinan kerjasama ILKAP bersama agensi dari dalam dan luar negeri	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan kursus kerjasama dengan pelbagai jabatan/ agensi penguatkuasaan undang-undang 2. Mengadakan program Kursus Diploma Eksekutif – kolaborasi dengan IPTA tempatan 	<p>10% daripada jumlah program latihan yang dijadualkan setiap tahun</p> <p>Minimum dua (2) program setahun</p>	2021 – 2025	Bahagian Latihan
2. Pemerkasaan program latihan kendalian Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran yang menggunakan khidmat perunding	Memastikan modul latihan yang dibangunkan oleh perunding berjaya memenuhi keperluan dan spesifikasi yang ditetapkan oleh ILKAP	Minimum lima (5) kursus / bengkel / seminar dibangunkan dengan menggunakan khidmat perunding	2021 – 2025	Bahagian Latihan

*IPTA = Institut Pengajian Tinggi Awam

*IPTS = Institut Pengajian Tinggi Swasta

TERAS STRATEGIK 2: MEMANTAPKAN PENERBITAN DAN PELAPORAN PENCAPAIAN ILKAP

STRATEGI 1 Memperkasakan dan memantapkan penyelarasan penerbitan dan pelaporan hasil kerja warga ILKAP				
PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Buku Laporan Tahunan ILKAP	Peratus penyelesaian penerbitan	100% penyelesaian penerbitan satu (1) Buku Laporan Tahunan	2021 – 2025	Unit Penyelidikan dan Inovasi
2. ILKAP E-Newsletter (Insight)	Peratus penyelesaian penerbitan	100% penyelesaian penerbitan dua (2) Insight	2021 – 2025	Unit Penyelidikan dan Inovasi
3. Jadual Program Latihan ILKAP	Peratus penyelarasan	100% penyelarasan dilaksanakan bagi satu (1) Jadual Program Latihan Tahunan ILKAP	2021 – 2025	Unit Penyelidikan dan Inovasi



TERAS STRATEGIK 2: MEMANTAPKAN PENERBITAN DAN PELAPORAN PENCAPAIAN ILKAP

STRATEGI 2 Memastikan kelangsungan perkhidmatan ILKAP tercapai menerusi analisis dan pelaporan yang lengkap dan komprehensif

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP	Pelaporan Kertas Lembaga	Dua (2) pelaporan diedarkan pada setiap tahun	2021 – 2025	Unit Penyelidikan dan Inovasi
2. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik	Pelaporan pencapaian Pelan Strategik	Dua (2) pelaporan diedarkan pada setiap tahun	2021 – 2025	Unit Penyelidikan dan Inovasi
3. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kursus (JKKK)	Penghasilan kurikulum baharu	80% kurikulum baharu dimuktamadkan	2021 – 2025	Unit Penyelidikan dan Inovasi
4. Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum (JKKSK)	Kajian semula kurikulum sedia ada	80% kurikulum sedia ada dikaji semula	2021 – 2025	Unit Penyelidikan dan Inovasi



TERAS STRATEGIK 2: MEMANTAPKAN PENERBITAN DAN PELAPORAN PENCAPAIAN ILKAP



STRATEGI 3 Menambah baik sistem repositori dan perkongsian ilmu

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Repositori bahan program latihan	Peratus repositori bahan program latihan yang diterima	85% daripada jumlah program latihan yang dijadualkan setiap tahun	2021 – 2025	Bahagian Maklumat
2. Program Galakan Membaca	1. Jom Baca 10 Minit 2. Pameran Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 3. Pameran Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agong 4. Kuiz Dalam Talian 5. Anugerah Pembaca Aktif 6. <i>Trolley Books 2U</i>	100% pelaksanaan setiap Program	2021 – 2025	Bahagian Maklumat



TERAS STRATEGIK 3: MENGUKUHKAN TADBIR URUS ORGANISASI



STRATEGI 1	Memantapkan organisasi	keupayaan	kapasiti	pengurusan
PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
Penyediaan fasiliti dan prasarana yang berkualiti	Kepuasan pelanggan	Pencapaian skor minimum 4.5 daripada skor penuh 7.0	2021 – 2025	Bahagian Pengurusan

STRATEGI 2 Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN TEMPOH SASARAN	PEMILIK
Sistem pembayaran yuran dalam talian	1. Kursus dalam talian	100% penyelesaian pengeluaran resit	2021 – 2025	Bahagian Pengurusan
	2. Kursus bersemuka	100% penyelesaian pengeluaran resit		



BAB 5

IMPLEMENTASI

KE ARAH

KEJAYAAN



MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan Strategik ILKAP 2021 - 2025 merupakan pelan lima (5) tahun yang akan dijadikan pelan bagi membantu ILKAP untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan Pelan Strategik ini dilaksanakan dengan lebih efektif dalam tempoh yang ditetapkan, pemantauan yang terperinci dan sistematik serta kajian semula pelaksanaan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa.


Bagi tujuan pemantauan, dua (2) jawatankuasa diwujudkan iaitu—



Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik ILKAP (JKPPSI)

JKPPSI berperanan sebagai pemantau utama dan membuat penilaian serta mengkaji semula Pelan Strategik ILKAP secara keseluruhannya. JKPPSI akan bermesyuarat setiap dua kali setahun.

JAWATAN	KEANGGOTAAN
Pengerusi	Ketua Pengarah ILKAP
Setiausaha	Pasukan Pelan Strategik (PPS)
Anggota	Timbalan Ketua Pengarah Pengarah-Pengarah Program Pendaftar (Bahagian Pengurusan) Pengarah (Bahagian Maklumat)



Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik (JKPS)

JKPS pula bertindak memantau pelaksanaan dan pencapaian di peringkat Bahagian menerusi mesyuarat yang akan diadakan setiap dua kali setahun. Setiap Bahagian di ILKAP mempunyai satu (1) JKPS yang akan mengemukakan laporan pencapaian Bahagian berkenaan kepada JKPPSI. JKPS akan dipengerusikan oleh—

JKPS BAHAGIAN	PENGERUSI
JKPS Latihan	Timbalan Ketua Pengarah ILKAP
JKPS Pengurusan	Pendaftar Bahagian Pengurusan
JKPS Maklumat	Pengarah Bahagian Maklumat

FUNGSI JKPS


Menghebahkan kandungan Pelan Strategik kepada seluruh pegawai di Bahagian berkenaan serta memupuk komitmen mereka

Menyelaras SKT supaya selaras dengan Pelan Strategik yang dibangunkan

Memberikan perhatian terhadap program yang signifikan kepada pencapaian strategi untuk melaksanakan kajian impak mengikut keutamaan

Pemantauan dan Penilaian

Pelan Tindakan di bawah Pelan Strategik ILKAP 2021-2025 akan dipantau dan dikaji semula secara berterusan berdasarkan jadual yang berikut:



FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

Sokongan Pemegang Taruh (Stakeholders)

Sokongan pemegang taruh seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara dan Mahkamah sangat penting dalam memastikan segala aktiviti yang dirancang dalam Pelan Strategik ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pengurusan Latihan

Pengurusan Latihan akan diperkasa bagi memastikan latihan dilaksanakan dengan lebih cekap dan sistematik. Pada masa yang sama, sumber akan digembangkan secara optimum bagi memastikan sasaran objektif yang ditetapkan tercapai.

Penerbitan Laporan Hasil Kerja Warga ILKAP

Penerbitan laporan hasil kerja warga ILKAP melibatkan aktiviti berkaitan latihan dan tadbir urus organisasi serta pencapaian sepanjang tahun.

Hasil penerbitan ini juga akan disimpan secara sistematik dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dari semasa ke semasa.

FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

Pembangunan Modal Insan

ILKAP perlu memberikan keutamaan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan dalam bidang kritikal dan strategik. Ini meliputi metodologi penyelidikan, kemudahan ICT dan perancangan strategik. Program mentoring akan disemai dan dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas. Warga kerja ILKAP juga akan sentiasa didedahkan dengan program-program latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam pelaksanaan kerja.

Tadbir Urus yang cekap dan berkesan

Tadbir urus berkaitan pentadbiran am, kewangan, ICT, aset/harta modal dan pusat sumber akan dilaksanakan dengan cemerlang dan berterusan mengikut peraturan-peraturan, pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa.

Kajian Semula Pelan Strategik

Kajian semula Pelan Strategik ILKAP akan dijalankan pada tahun 2023 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap pencapaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian semula tersebut akan turut mengambil kira senario baharu perubahan persekitaran dan fokus utama ILKAP agar sentiasa relevan.

RANTAIAN KE HADAPAN

Sumber dan Kewangan

Sumber dan peruntukan kewangan yang mencukupi dapat memastikan program / aktiviti dilaksanakan dengan berkesan

Sokongan Pemegang Taruh

Penerimaan dan sokongan pemegang taruh turut menentukan hala tuju dalam mencapai kejayaan

Tanggungjawab Warga ILKAP

Setiap warga ILKAP bertanggungjawab dalam menjayakan Pelan Strategik ILKAP

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Komitmen Pengurusan Tertinggi

Komitmen pengurusan tertinggi yang berterusan dapat memastikan sasaran yang ditetapkan tercapai

Pemantauan Berterusan

Pemantauan yang berterusan bagi menjamin pelaksanaan Pelan Strategik ILKAP dilakukan dengan berkesan

BAB 6

PENUTUP



ILKAP merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk memberikan latihan yang terbaik kepada Pegawai Kehakiman dan Perundangan serta agensi penguatkuasaan agar sistem penyampaian perkhidmatan awam dapat dijalankan dengan adil dan saksama mengikut lunas undang-undang.

Pelan Strategik ILKAP 2021–2025 telah menggariskan beberapa objektif strategik dan pelan tindakan serta program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelan Strategik ini juga dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan ILKAP untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalam ILKAP bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

Matlamat ILKAP Pasca-2025

ILKAP menjadi sebuah pusat perkembangan ilmu dan pembangunan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang unggul dan ternama di serata dunia

ILKAP berupaya menyampaikan latihan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang berkualiti dan diiktiraf sewajarnya

ILKAP muncul sebagai sebuah institusi latihan kelas pertama, lengkap dengan kemudahan setaraf institusi latihan ternama yang lain dan sistem pengurusan sumber yang berkesan



INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia
Tel: +603 8924 3400
Faks: +603 8926 1231
Laman web: <http://www.ilkap.gov.my>
E-mel: ilkap@ilkap.gov.my